

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IRMOHIZAM IBRAHIM (KUALA SELANGOR)**

**TARIKH : 28 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10828**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan di  
bawah undang-undang yang boleh dikenakan ke atas individu  
tidak bertanggungjawab meminta campur tangan asing ke atas  
urusan politik negara yang jelas menggugat kedaulatan negara.**

**JAWAPAN:**

**Kerajaan menganggap tindakan meminta campur tangan asing sama ada secara langsung atau tidak langsung merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral. Tindakan sedemikian juga boleh dianggap sebagai sabotaj atau pengkhianatan terhadap kedaulatan negara.**

**Tindakan seperti itu merupakan satu kesalahan yang serius dan perlu dielakkan. Dalam hal ini, PDRM tidak teragak-agak untuk menyiasat mana-mana individu yang didapati melakukan tindakan ini dengan niat untuk mengundang campur tangan asing dalam urusan pentadbiran negara. Tindakan tegas boleh diambil mengikut undang-undang sedia ada terutamanya Kanun Keseksaan (Akta 574).**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kemerdekaan yang kita kecapai selama ini merupakan hasil pengorbanan generasi terdahulu dan ia bukan diperoleh dengan cara yang mudah. Justeru tindakan pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab dan mengundang campur tangan pihak asing tidak boleh diterima sama sekali walau apa jua tujuannya.**